

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(IX)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

11. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan apakah inisiatif yang dirancang bagi memudahkan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) mendirikan rumah tangga.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri Pulau Pinang, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), tidak meminggirkan sebarang peluang bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk turut sama mendirikan rumah tangga seperti anggota-anggota masyarakat yang lain. JKM menyediakan Elaun Pekerja Cacat bagi mana-mana OKU yang bekerja dan berpendapatan RM1,200.00 ke bawah dan bantuan tersebut turut disalurkan kepada mana-mana OKU yang mendirikan rumah tangga.

Selain bantuan kewangan, pihak JKM juga turut menyediakan bantuan perkhidmatan jurubahasa isyarat sebagai inisiatif mudah cara dan melancarkan proses mendirikan rumah tangga bagi OKU pekak bisu. Bantuan perkhidmatan yang disediakan merupakan hasil kerjasama antara pihak JKM dengan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang dan selaras dengan Akta 685 (Akta Orang Kurang Upaya 2008) yang bertujuan memberikan kesetaraan asas antara OKU dan orang upaya.

Bagi OKU yang beragama Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang mengecualikan keperluan OKU yang mempunyai kecacatan tertentu daripada mengikuti Kursus Pra-perkahwinan Islam seperti yang diwajibkan kepada golongan orang upaya. Tambahan lagi, beberapa proses permohonan bagi tujuan-tujuan

pernikahan, ruju' dan cerai telah dimudahkan melalui pembangunan laman web eMunakahat. Aplikasi ini memudahkan OKU bagi proses pendaftaran kursus pra-perkahwinan, menjadi repositori borang-borang penting seperti Borang Laporan Kesihatan Bagi Ujian Saringan Human Immunodeficiency Virus (HIV), Borang Pengesahan Anak Qaryah, Borang Permohonan Kad Nikah, juga maklumat-maklumat lain yang boleh memudahkan pergerakan golongan OKU berurusan dengan Pejabat Agama Daerah masing-masing.